



**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**  
**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Warganegara Malaysia adalah dipelawa memohon jawatan-jawatan sebagaimana di bawah. Keutamaan akan diberi kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

A. **NAMA JAWATAN** :

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>TARAF JAWATAN</b>
1.	Arkitek	Kejuruteraan	J41	Kontrak
2.	Penolong Pegawai Penilaian	Kewangan	W29	Tetap
3.	Pembantu Penguatkuasa	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	KP19	Kontrak
4.	Pembantu Operasi	Pentadbiran & Sokongan	N11	Tetap
5.	Pembantu Awam	Kemahiran	H11	Tetap / Kontrak

B. **JADUAL GRED GAJI** :

Gred J41	:	RM2,529.00	-	RM9,643.00
Gred W29	:	RM1,498.00	-	RM5,678.00
Gred KP19	:	RM1,360.00	-	RM4,052.00
Gred N11	:	RM1,216.00	-	RM2,983.00
Gred H11	:	RM1,218.00	-	RM2,939.00

C. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

- Semua jawatan hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA**.

**JAWATAN 1 – ARKITEK GRED J41**

(a) Ijazah Sarjana Muda/Sarjana Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

(b) berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

( *Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,736.28* )

(c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Seni Bina adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) dan (b); atau

(b) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

(c) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**JAWATAN 2 – PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29**

(a) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

( *Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92* ); atau

- (b) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya( *( Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92 )*); atau
- (c) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya *( Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,851.28 )*
- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a), (b) dan (c); atau
- (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) had umur pelantikan:
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

### **JAWATAN 3 – PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19**

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*( Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00 )*; atau

- (b) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

*( Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00 )*; atau

(c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*( Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40 ); atau*

(d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*( Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,472.80 ) dan*

(e) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pencaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

(f) Calon bagi lantikan dengan kelayakan (a), (c) dan (d) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **JAWATAN 4 – PEMBANTU OPERASI GRED N11**

(a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*( Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00 ); atau*

(b) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki Lesen Memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]

*( Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15 )*

**Keutamaan adalah diberikan kepada calon yang mempunyai Lesen Memandu Kelas E2, E1, E dan keatas.**

- (c) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **JAWATAN 5 – PEMBANTU AWAM GRED H11**

- (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

*( Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00 )*

**(Syarat Tambahan:** Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)

*( Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,264.15 )*

- (b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **D. UMUR :**

Calon bagi lantikan hendaklah berumur :

- (a) tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**  
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

#### **E. CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang MBBJ/BSM/2014/1 yang boleh didapati daripada Bahagian Sumber Manusia, Tingkat 8, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru **ATAU** pemohon boleh muat turun borang permohonan daripada laman web Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my).
- (b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' Bil.17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan memastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama-sama.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah pada **23 NOVEMBER 2023**

- (d) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut dan telah diakui **SAH** :-
- (i) salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
  - (ii) salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR);
  - (iii) salinan transkrip pengajian;
  - (iv) salinan sijil Diploma/ljazah;
  - (v) salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil / Diploma / Ijazah);
  - (vi) salinan sijil/dokumen akademik dan lain-lain yang berkaitan;
  - (vii) salinan Lesen Kelas Memandu;
  - (viii) salinan kad pengenalan;
  - (ix) salinan sijil kelahiran; dan
  - (x) gambar berukuran pasport terbaru.

dan hendaklah diakui sah serta alamatkan kepada :-

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU  
NO. 1, JALAN LINGKARAN DALAM  
BUKIT SENYUM  
80300 JOHOR BAHRU**

- (e) Untuk maklumat lanjut sila layari laman web rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat [www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my).

F. **CATATAN AM** :

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta**.

**DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN**

Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tarikh :  
Rujukan : MBBJ/U/2010/02/PJW/3/6